

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 17 JUN 2014**

**SOALAN :**

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [ PERMATANG PAUH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keseriusan Kerajaan dan Kementerian mengambil serius saranan dan cadangan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) BERSIH; dan nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil ke arah penambahbaikan atau reformasi sistem pilihan raya di negara ini.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat 22 syor Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 April 2012 untuk dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

SPR telah memaklumkan bahawa sebahagian syor tersebut telah pun diberi perhatian dan tindakan-tindakan wajar telah dan sedang dilakukan untuk merealisasikannya. Justeru, daripada 22 syor yang dicadangkan, 8 syor telah dilaksanakan pada atau sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13, 11 syor yang masih dalam pertimbangan dan kajian SPR dan hanya 3 syor tidak dapat dilaksanakan oleh SPR dan agensi-agensi kerana faktor-faktor yang melibatkan hal ehwal perundangan dasar dan faktor kewangan. Namun ia tidak bererti bahawa syor-syor tersebut tidak dapat dilaksanakan sama sekali di masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR sentiasa responsif dan menerima secara positif terhadap semua syor-syor, kaedah dan teguran yang telah dibangkitkan, baik sebelum, semasa mahupun selesai PRU-13. Bahkan SPR sentiasa melakukan proses rekayasa menerusi usaha pengupayaan dan penambahbaikan dalam pengurusan dan operasinya demi untuk memantapkan lagi sistem pilihan raya, sekali gus demokrasi di Malaysia. Bagaimanapun, ia merupakan suatu proses yang